

09 AUG 1998

MTUC-Skim

SPP BUKAN SKIM PENGGANGGURAN, KATA MTUC

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Skim Penamatan Perkhidmatan (SPP) yang dicadangkan oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) bagi membantu pekerja yang diberhentikan tanpa diberi sebarang pampasan, bukan skim pengangguran dan menjadikan pekerja malas.

Presiden MTUC Zainal Rampak berkata SPP tidak seperti skim insuran pengangguran yang terdapat di negara-negara yang maju tetapi lebih menumpu kepada membantu pekerja yang diberhentikan berikutan kegawatan ekonomi dan memberi jaminan jangka panjang kepada mereka dan keluarga mereka.

"Tidak ada apa yang harus dikhuatiri dengan skim ini dan ia tidak akan menggalakkan pekerja menjadi malas," katanya kepada pemberita di pejabat kesatuan itu di sini hari ini.

Di bawah skim yang dicadangkan pada simposium kesatuan pada 14 Feb lepas itu, setiap pekerja akan menyumbang RM1 sebulan dan majikan menambah setiap ringgit sumbangan pekerja yang bermakna sumbangan bulanan RM2 bagi setiap pekerja.

Zainal berkata MTUC telah mencadangkan Pertubuhan Keselamatan Pekerja (Perkeso) menguruskan dana itu dan adalah dijangkakan sejumlah RM10 juta dapat dikutip sebulan daripada sejumlah lima juta pekerja di negara ini.

Beliau berkata wang dari skim itu akan digunakan untuk membantu pekerja yang diberhentikan kerja dengan memberikan elaun selama tiga bulan yang tidak bekerja. Bagaimanapun mereka akan kehilangan hak mendapatkan elaun itu jika menolak pekerjaan yang ditawarkan oleh Jabatan Buruh dan mereka perlu mendaftar di jabatan itu setelah diberhentikan kerja.

Semasa ditanya sama ada perkara itu dibincangkan dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, Zainal berkata, "Ya, secara sepintas lalu saya ada jelaskan kepada beliau."

Beliau berkata skim itu berkemungkinan tidak dapat dilaksanakan dalam kegawatan ekonomi kini kerana ia memerlukan perbincangan dengan majikan dan kerajaan sebelum dibawa ke Jabatan Peguam Negara sebelum dibentangkan ke Parlimen bagi dimasukkan ke dalam skim keselamatan pekerja.

"Perkara ini mengambil masa tetapi MTUC melihatnya untuk jangka panjang kerana kegawatan ekonomi bukan sahaja berlaku sekarang tetapi akan berlaku lagi di masa depan," katanya

Zainal berkata beliau dukacita terhadap kenyataan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Bank (NUBE) baru-baru ini yang membantah dengan keras terhadap cadangan penubuhan SPP itu.

Katanya, wakil kesatuan itu ada semasa cadangan skim itu dibuat dan tiada sebarang bantahan mengenainya sehingga laporan akhbar berkaitan perkara itu yang menyebut Nube meminta kerajaan menolak cadangan itu.

Zainal menjelaskan bahawa di bawah skim itu, sistem perbankan negara akan bertambah kukuh kerana ia akan memberi simpanan wang berjuta-juta ke dalam bank yang memberi faedah kepada pekerja bank kerana tidak akan menghadapi masalah pemberhentian kerja.

Beliau berkata MTUC melalui beberapa jawatankuasanya telah mendapat persetujuan beberapa majikan berkaitan skim itu.

Mengenai pengurusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Zainal berkata sebagai sebuah badan terkaya yang menguruskan wang pekerja, ia perlu disusun semula bagi memastikan ia dijaga dengan baik dan mendatangkan pulangan yang menguntungkan pekerja.

Beliau berkata jawatan Ketua Eksekutif dan Pengerusi itu misalnya perlu dipegang oleh dua orang yang berbeza bagi mengelakkan "conflict of

interest" dan wakil pekerja perlu berada dalam lembaga pengarah.

Sebelum itu 18 kesatuan gabungan MTUC menyatakan sokongan terhadap penubuhan SPP dan rombakan struktur Lembaga Pengarah KWSP termasuk Kesatuan Pegawai Bank Bumiputra Malaysia Berhad (Kepak BBMB), Kesatuan Kakitangan Bank Rakyat dan Kesatuan Pekerja Penerbangan Malaysia (Maseu).

-- BERNAMA

NHD WAT